

30 SEP 2002

SIKAP DR M YANG IKHLAS DAN PEMAAF MENJADIKAN BELIAU AMAT DISEGANI

MARAN, 30 Sept (Bernama) -- Kesediaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mengampunkan orang yang menuduhnya tidak tahu membaca Al Quran membuktikan beliau seorang pemimpin ikhlas dan tidak menyimpan dendam, kata Timbalan Menteri Besar Pahang Datuk Tan Aminuddin Ishak.

Beliau mengulas kesediaan Perdana Menteri memaafkan Menteri Besar Kelantan Nik Aziz Nik Mat yang menuduhnya tidak tahu membaca Al Quran dalam satu ceramah di Bacok baru-baru ini.

Tan Aminuddin yang juga Ketua Umno Bahagian Maran berkata, pemimpin Pas itu sepatutnya insaf dan malu atas kesediaan Perdana Menteri memaafkan kesalahan yang mereka lakukan walaupun tidak sepatutnya berbuat demikian.

Pemimpin Pas itu sepatutnya sedar perbuatannya itu adalah satu dosa besar, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan pertama Pergerakan Puteri Umno Bahagian Maran di sini semalam.

Mereka yang mendaulatkan agama untuk kepentingan politik sepatutnya bertaubat atas kesalahan yang mereka lakukan dan lagipun rakyat sudah boleh menilai yang mana kaca dan intan, tambahnya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed memberitahu pemberita sewaktu pulang dari luar negara bahawa beliau sedia memaafkan Nik Aziz walaupun menuduhnya tidak tahu membaca Al Quran.

-- BERNAMA

HM PR